

[Abad ke-20]

Tan Sri Profesor Dr. Syed Muhammad Naquib al-Attas (1931-kini)
Ilmuwan yang mengasaskan pengislaman peradaban Melayu yang menjadi
teras pensejarahan Bahasa Jawi

Nama sebenar: Tan Sri Profesor Dr. Syed Muhammad al-Naquib bin Ali bin Abdullah bin Muhsin al-Attas

Tarikh lahir: 5 September 1931

Asal: Dilahirkan di Bogor, Jawa Barat Indonesia

Dibesarkan oleh keluarga bangsawan di negeri Johor, Malaysia (usia 5 tahun).

Ibu: Syarifah Raguan Al-Idrus

Bapa: Syed Ali bin Abdullah Al-Attas

Adik beradik (3 orang):

1. Prof. Dr. Hussein al-Attas
2. Prof. Dr. Syed Muhammad Naquib al-Attas
3. Syed Zaid al-Attas

Isteri: Latifah al-Attas (berkahwin tahun 1961)

Anak (4 orang):

1. Sharifah Faizah al-Attas
2. Syed Ali Tawfiq al-Attas
3. Sharifah Shifa' al-Attas
4. Syed Haydar al-Attas

Pendidikan:

1. 1936-1941 : Ngee Neng English Primary School, Johor Bahru
2. 1942-1945 : Madrasah Al-'Urwatu'l-Wuthqa, Sukabumi, Jawa Barat
3. 1946 : Bukit Zahrah School

4. 1946-1949 : English College Johor Baru
5. 1952-1955 : Eton Hall, Chester, England dan Royal Military Academy, Sandhurst, UK.
6. 1957-1959 : Universiti Malaya
7. 1960 : The Institute of Islamic Studies, McGill University, Montreal, Kanada
8. 1963-1964 : School of Oriental and African Studies, University of London

Buku dan Monograf (31 judul):

1. (1959) Rangkaian Ruba'iyyat
2. (1963) Some Aspects of Sufism as understood and Practised among the Malays.
3. (1965) *The Mysticism of Hamzah Fansuri*
4. (1966) Raniri and the Wujudiyyah of 17th Century Aceh
5. (1968) The Origin of the Malay Sha'ir
6. (1969) Preliminary Statement on a General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesian Archipelago
7. (1970) *The Correct Date of the Terengganu Inscription*, Kuala Lumpur Museum Department.
8. (1971) Concluding Postscript to the origin of the Malay Sha'ir
9. (1972) *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*.
10. (1975) *Comments on the Re-Examination of Al-Raniri's Hujjat au'l Siddiq: A Refutation*, Kuala Lumpur Museum Department.
11. (1976) Islam: The Concept of Religion and the Foundation of Ethics and Morality,
12. (1977) *Islam: Faham Agama dan Asas Akhlak*
13. (1978) *Islam and Secularism*
14. (1979) *Aims and Objectives of Islamic Education: Islamic Education Series*
15. (1980) *The Concept of Education in Islam: A Frame work for an Islamic Philosophy of Education*
16. (1981) The Positive Aspects of Taṣawwuf: Preliminary Thoughts on An IslamicPhilosophy of Science
17. (1985) Islam, Secularism and the Philosophy of the Future
18. (1988) *The Oldest Known Malay Manuscript: A 16th Century Malay Translation of the 'Aqa'id of al-Nasafi*
19. (1989) *Islam and the Philosophy of Science*
20. (1990) *The Nature of Man and the Psychology of the Human Soul* : A Brief Outlineand A Framework for an Islamic Psychology and Epistemology
21. (1990) *On Quiddity and Essence*
22. (1990) *The Intuition of Existence*
23. (1992) *The Concept of Religion and the Foundation of Ethics and Morality*
24. (1993) *The Meaning and Experience of Happiness in Islam*
25. (1994) *The Degrees of Existence*
26. (1995) *Prolegomena to the Metaphysics of Islam: An Exposition of the Fundamental Elements of the Worldview of Islam*

27. (2001) *Risalah untuk Kaum Muslimin*
28. (2007) *The ICLIF Leadership Competency Model (LCM): An Islamic Alternative*
29. (2007) *Tinjauan Ringkas Peri Ilmu dan Pandangan Alam*
30. (2011) *Historical Fact and Fiction*
31. (2015) *On Justice and the Nature of Man: A Commentary on Surah Al-Nisa*










Pengiktirafan:

1. (1972-1984) *Kursi Ilmiah/ Kursi Bahasa dan Kesusasteraan Melayu*
2. (1980-1982) *Pemegang Pertama Kursi Tun Abdul Razak, Universiti Ohion, Amerika Syarikat*
3. (1993) Pemegang Pertama Kursi Abu Hamid al-Ghazali, ISTAC
4. (1980an) Kerusi Ibn Khaldun, American University, Amerika Syarikat
5. *2011-Anugerah Tokoh Melayu Terbilang*
6. (2011)- Darjah Kebesaran Persekutuan Panglima Setia Mahkota (P.S.M.)
7. *2012- Anugerah Merdeka (Pencapaian Ilmuwan Terunggul)*
8. *2017-Anugerah Pencapaian Sepanjang Hayat*


Pengasas:

1973: Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (IBKKM), UKM

1987: Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC), UIAM



Sumbangan Tulisan Jawi:



Galuran pengaruh Bahasa 'Arab al-Qur'an kepada bahasa-bahasa Islam.

1. Sumbangan Prof. al-Attas terhadap tulisan Jawi dapat dilihat dengan jelas menerusi pemikirannya terhadap pembentukan tamadun Melayu dengan mengaitkan unsur bahasa Jawi seperti berikut:
 - i. Pengkajian peradaban Melayu haruslah diteliti bermula dengan pengkajian terhadap hakikat insan yang dikurnia akal dan mendalamai ilmu. Dengan akal dan ilmu, nilai-taraf seseorang itu dapat diukur. Keutamaan akal ini

menunjukkan kecenderungan rasional dan saintifik sebagai menjadi pra-syarat ketinggian dan keluhuran sesebuah peradaban.

“Insan diciptakan sebagai hasil tertinggi ciptaan raya – bahawa pada gelang kehidupan semesta insanlah umpama khatim permata jauharnya. Sifat asasi insan itu ialah akalnya, dan unsur akliah inilah yang menjadi perhubungan antara dia dan Hakikat semesta.”

- ii. Oleh sebab ketinggian ‘aqal dan ‘ilmu, Prof al-Attas meletakkan bahasa sebagai tanda perubahan pemikiran sesuatu peradaban.
- iii. Justeru, kedatangan Islam (bersama Al-Quran) yang bermula abad ke-10M di kepulauan Melayu telah memberi pengaruh besar terhadap pemikiran dan bahasa tamadun Melayu. Al-Quran sebagai sumber tertinggi ilmu bahasa telah mengubah pemikiran insan apabila bahasa Arab yang dipertutur telah menyemarak budaya bahasa penulisan sebagai wadah keilmuan yang menyumbang kepada peningkatan taraf peradaban insan seluruh dunia.

“Mereka sepatutnya harus meninjau bahasa Kepulauan ini, yang kebetulan terjadi dari bahasa Melayu yang telah diperislamkan itu, dengan tilikan mendalam. Di situ akan tampak oleh mereka perubahan-perubahan revolusioner yang telah berlaku pada masyarakat Melayu-Indonesia, kerana bahasa merupakan saksi sunyi yang perkataan-perkataan serta istilahnya masih menawan fikiran dan hasrat yang telah silam.”

- iv. Kesan pengaruh bahasa Arab, Bahasa Melayu telah menjadi bahasa yang kaya dengan perkataan dan istilah Baharu bahasa Arab dan bahasa Farsi.
- v. Maka perkataan dan istilah baharu bahasa Arab telah disesuaikan penggunaanya bagi melambangkan sebutan dan bunyi Melayu.
- vi. Menariknya, bahasa Melayu yang menjadi bahasa persuratan rasmi untuk seluruh kepulauan Melayu telah dinamakan oleh orang Melayu dengan nama bahasa Jawi sebagaimana petikan berikut:

“... bahawa orang Melayu sendiri menamakan bahasanya bahasa Jawi, bagi menamakan tulisan Arab-Melayu – seolah-olah orang Melayu kala itu menamakan bahasanya berdasarkan pada tulisannya.”

2. Profesor Naquib al-Attas berkemahiran dalam seni kaligrafi dan telah menghasilkan kaligrafi ‘Basmallah’ yang ditulis dalam bentuk burung Pekak (1970), ayam Jago (1972) dan ikan (1980). Disamping menjadi penghias kulit buku, hasil seni kaligrafi Prof. Naquib al-Attas telah dipamerkan di Muzium Tropen, Amsterdam pada tahun 1954.



Tulisan ‘Basmallah’ dalam bentuk ayam Jago

Sumber:

1. Muhammad Syukri Rosli. (2023, February 12). *SMN Al-Attas: Penetap Falsafah Pensejarahan Melayu Islam*. <https://www.akademijawi.my/post/al-attas-falsafah-pensejarahan>
2. Syed Muhammad Naquib al-Attas. (n.d.). Retrieved November 28, 2023, from https://ms.wikipedia.org/wiki/Syed_Muhammad_Naquib_al-Attas
3. Biografi Prof. Dr. Syed Muhammad Naquib Al-Attas. (n.d.). Retrieved November 28, 2023, from <https://pkpim.org.my/biografi-prof-dr-syed-muhammad-naquib-al-attas/>
4. Omar, A. F., & Kamaruzaman, A. F. (2020). Konteks historiografi Syed Muhammad Naquib Al-Attas. *Jurnal Tuah*, 1(2020), 24–40. <https://unimel.edu.my/journal/index.php/JTuah/article/download/686/543>